



NOTA RUJUKAN KOMSAS

**Novel Renyah
(Gunawan Mahmood)**

Sinopsis

Sinopsis Bab 1

Datuk Dolhi dan Datin Tominah rasa sedih kerana tidak ada anak mereka yang ingin menyambung tugasnya apabila dia tiada kelak. Anak pertama mereka Hasnol sebagai PTD sayangkan jawatan, kuasa dan pangkatnya. Hasnol ingin menjadi kaya tapi tidak mahu melepaskan jawatannya. Walaupun bapanya memintanya mengambil alih tugas bapanya di syarikat jika ingin kaya. Hasnol inginkan keselesaan hidup dengan bekerja di pejabat. Semasa Hasnol dilahirkan Datuk Dolhi seorang pegawai kerajaan dan beliau berdoa agar anaknya kelak akan menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan seterusnya KSU. Datin Tominah minta supaya Datuk Dolhi melatih anak ketiganya Ilham menggantikannya. Tetapi Datuk Dolhi kecewa dengan Ilham yang suka membuang masa tidak tentu hala. Ilham sering terpampang di akhbar sebagai seorang penyair dan penulis yang sedang meningkat naik. Rencananya tentang alam sekitar mendapat tempat walaupun sering bertentangan dengan bapanya yang menggunakan alam sekitar untuk mencari keuntungan. Datuk Dolhi juga pernah berkahwin dengan wanita peranakan Arab dan mendapat anak lelaki. Tetapi wanita itu meninggal dunia dan menjadi rahsia hidupnya termasuk Datin Tom. Datuk Dolhi mempunyai seorang rakan kongsi rapatnya Albert Lee. Malah Albert Lee pernah melamar Amera anak Datuk Dolhi untuk anaknya Robert Lee tapi gagal. Dalam bab ini juga menggambarkan anak Datuk Dolhi Mukhlis yang berjubah dan berjanggut dan sering ke surau. Tidak mahu menguruskan syarikat bapanya kerana syarikat bapanya penuh riba menurut Mukhlis. Datuk Dolhi juga membandingkan anak Melayu dengan anak Cina. Pendapat Datuk Dolhi mengatakan anak Cina minat kepada perniagaan tapi anak Melayu tidak berminat. Manakala anaknya Dani minat dalam bidang hiburan. Dani juga ada belajar muzik

Sinopsis Bab 2

Datuk Dolhi menyampaikan ceramah dengan menjadikan Doktor Mahathir sebagai contoh. Kepuasan terbayang pada wajah Datuk Dolhi setelah menyampaikan ceramah. Datuk Dolhi menemani isterinya Datin Tominah menghadiri pertunjukkan fesyen Busana Islam. Datuk Dolhi sangat bosan dengan pertunjukkan tersebut. Setibanya di rumah Datin Tominah memohon madal daripada Datuk Dolhi untuk membuka butik Busana Islam. Datuk memohon Datin mengkaji segala aspek sebelum beliau mengeluarkan modal untuk butik tersebut. Di rumah Dani sibuk dengan gitarnya mencari ilham. Manakala Ilham menulis tentang alam sekitar yang tercemar. Amera pula sibuk dengan buku anak muridnya. Mukhlis bersaorangan di bilik atas berzikir.

Sinopsis Bab 3

Ilham dan Dani berbual tentang seni. Ilham mencadangkan agar Dani mengambil puisinya untuk dijadikan senikata lagunya. Dani kurang bersetuju kerana puisi Ilham sangat berat untuk pendengar muzik. Amera pula sangat tidak bersetuju dengan bidang yang diceburi oleh kedua-dua adiknya. Mereka bertekak dan akhirnya Amera meninggalkan adik-adiknya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sinopsis Bab 4

Hasnol balik ke rumah untuk meminjam RM 10,000.00 daripada keluarganya untuk kelab Golfnya tetapi diberi oleh keluarganya. Datuk Dolhi masih meminta Hasnol meletak jawatan dan menolongnya menguruskan syarikat. Tetapi Hasnol masih menyayangi jawatannya. Datuk Dolhi menegur anaknya Hasnol yang hidup seperti Jutawan tidak standing dengan gajinya. Linda isterinya hidup cara kebaratan bersama dengan dua orang anaknya. Elian anak Albert pernah ingin bersuamikan Hasnol tapi tidak kesampaian

Sinopsis Bab 5

Wahi menghantar kertas cadangan melalui Fax tentang Kawalan Mutu Menyeluruh. Datuk Dolhi mengharapkan kepulangan Wahi akan membawa perubahan kepada syarikat. Mukhlis datang ke pejabat untuk memohon wang bagi membiayai gerakan dakwahnya di India tapi tidak diberi oleh bapanya. Mukhlis kecewa dan balik. Banyak konflik pendapat antara Mukhlis dan bapanya berlaku semasa perbualan mereka.

Sinopsis Bab 6

Amera menyampaikan berita gembira kepada ayahnya. Amera terpilih sebagai pendidik terbaik seluruh negeri. Amera memohon supaya ayah dan ibunya hadir pada majlis penyampaian anugerah tersebut. Sekali lagi Datuk Dolhi meminta Amera berhenti sebagai pendidik dan bekerja dengan syarikatnya tetapi ditolak oleh Amera yang mencintai bidang pendidikan. Mukhlis dan sahabatnya datang ke rumah Datuk Dolhi untuk memohon pembiayaan Mukhlis berdakwah ke India tetapi masih ditolak oleh Datuk Dolhi. Di sini juga berlaku pertentangan pendapat antara Mukhlis dan kawannya dengan bapanya. Datuk Dolhi dan Datin Tominah hadir pada anugerah pendidik negeri terbaik anaknya Amera yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Tugas-Tugas Khas YB Wahab Yassin. Datin Tominah dan Datuk Dolhi sangat bangga dengan anugerah yang diterima oleh Amera.

Sinopsis Bab 7

Amera mendapat panggilan telefon daripada peminat misteri mengucapkan tahniah di atas kejayaannya dan juga mendapat jambangan bunga. Amera resah mencari peminat misteri tersebut. Dani berpendapat kemungkinan teman lelaki kakaknya. Tetapi dinafikan Amera kerana dia masih tiada teman lelaki. Pembantu rumah Inem meminta untuk berhenti kerja. Dia tidak menyatakan sebabnya. Walaupun dipujuk oleh Datin Tominah tapi Inem bertegas untuk berhenti. Seminggu kemudian Inem menghantar surat menyatakan sebab dia berhenti kerja kerana biliknya diceroboh oleh Ilham sebanyak tiga kali. Demi menjaga kehormatan Datuk Inem mengambil keputusan berhenti kerja. Hasnol menelefon Datin untuk meminjam wang tetapi tidak diberi oleh datin takut dimarahi datuk.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sinopsis Bab 8

Mukhlis bernikah dengan Hanisah janda tok guru beranak dua. Ini mengejutkan Datuk Dolhi sekeluarga. Manakala Ilham pula berdemontrasi bersama orang asli Serawak menentang pembalakkan syarikat bapanya yang dikendalikan oleh Albert Lee..

Sinopsis Bab 9

Datuk Dolhi meminta Rozie menempat tiket dan penginapannya di Jepun untuk menenangkan fikirannya yang runsing memikirkan hal anak-anaknya. Datuk juga memohon Rozie menghubungi Wahi di Jepun supaya dapat menunggunya di lapangan terbang. Datin terkejut bila diberitahu keinginan datuk untuk berehat di Jepun. Mukhlis menyesali nasibnya yang terpaksa menanggung isteri dan dua anak tirinya dengan kerja di kilang Mi dengan gajinya RM5 sehari. Mukhlis pulang ke rumah dan meminta maaf daripada ibunya akan kesilapannya. Datin meminta Mukhlis menjaga anak dan isterinya baik-baik. Hasnol meminta Linda untuk meminjam wang daripada bapanya, tetapi Linda enggan kerana sudah dua kali pinjaman mereka belum berbayar. Hasnol terkenangkan kawannya Zahid yang hidup mewah biarpun mereka setaraf.

Sinopsis Bab 10

Amera membuat temujanji dengan peminat misterinya secara sulit. Amera terkejut kerana peminat misterinya adalah Timbalan Menteri Tugas-Tugas Khas YB Wahab yang menyampaikan anugerah kepadanya tempoh hari. YB Wahab Yassin merupakan seorang dudu beranak dua. Isterinya telah meninggal dunia. Datin sangat suka hati bila diberitahu lelaki tersebut adalah Timbalan Menteri. Dani bersama kumpulannya memulakan rakaman muzik. Berita ini tersiar di dalam akhbar di ruangan gisip. Begitu juga pertemuan Amera dengan YB Wahab juga tersiar dalam ruangan gosip

Sinopsis Bab 11

Datuk Dolhi tiba di Jepun dan disambut oleh Wahi. Datuk meluahkan rahsia yang disimpan selama ini bahawa Wahi sebenarnya adalah anaknya bersama dengan isteri keduanya. Tetapi Wahi tidak terkejut kerana telah diberitahu oleh neneknya. Datuk meminta Wahi memanggilnya bapa.

Sinopsis Bab 12

Datin Malini dan Datin Salmah datang dirumah Datin Tominah. Mereka menasihatkan Datin Tominah supaya berhati-hatin dengan tindakan suaminya. Datin Tominah meluahkan perasan resahnya terhadap tindak-tanduk anaknya. Mereka bertanyakan tentang cadangan mereka untuk membina butik Busana Islam tapi masih belum mendapat kelulusan suaminya. Datin Malini ditugaskan untuk membuat kertas kerja projek.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sinopsis Bab 13

Hasnol menemui Tengku Munir di Teratai Inn Tengku Munir meminta Hasnol menggunakan pengaruhnya bagi meluluskan tendernya bernilai RM 80 juta dan Hasnol akan diberikan wang di akaun di Singapura RM 300 ribu jika permohonannya Berjaya. Pihak berkuasa Serawak sedang mencari aktivitis yang menghasut rakyat tempatan menentang projek balak. Ilkam bersama dengan orang asli membuat benteng manusia. Manakala Hasnol datang menemui Datin Timinah bagi menyerahkan RM 10,000 yang dipinjam tempoh hari. Datin Tuminah terkejut dengan kemewahan Hasnol.

Sinopsis Bab 14

Albert Lee isterinya Eric dan anaknya Robert Lee dan Elain sering berkumpul dan bertukar pandangan tentang perniagaan mereka. Mempunyai cita-cita yang sama ingin menubuhkan syarikat perniagaan sendiri. Albert Lee kecewa kerana hasratnya untuk melihat Elain berkahwin dengan Hasnol tidak tercapai. Sekarang ini beliau berharap Robert pula cuba untuk memikat Amera seterusnya memperisterikannya. Setakat ini Amera masih bersikap dingin terhadap Robert. Cita-cita mereka untuk memimpin Dolhi-Albert Holding. Robert menghubungi Amera untuk mengajaknya keluar makan bersama tetapi ditolak oleh Amera.

Sinopsis Bab 15

Datuk Dolhi merasa lapang setelah menerangkan situasi sebenar hubungan mereka kepada Wahi. Datuk berharap satu hari nanti Wahi dapat mengambil alih tugasnya dalam syarikat kerana datuk telah tua. Wahi juga menerangkan bahawa dia akan menikahi gadis Jepun yang telah memeluk Islam iaitu Yuka. Datuk Dolhi teringat kembali peristiwa 28 tahun yang lalu ketika bersama dengan Mastura ibu Wahi.

Sinopsis Bab 16

Pihak berkuasa gagal menangkap Ilham yang lari ke barat bersama Bruno Manser. Datin Tominah menerima surat Ilham daripada Perancis. Datin meminta supaya Datuk berusaha untuk membawa Ilham kembali ke tanah air tetapi ditolak oleh datuk. Datuk terkejut bila diberitahu anaknya Hasnol memulangkan kembali wangnya RM 10,000.00 Datin bercadang untuk member sedikit bantuan kepada Mukhlis yang terpaksa menanggung isteri dan dua orang anaknya tetapi tidak dipersetujui oleh datuk kerana ingin menjadikan pengajaran buat Mukhlis. Dani pula memohon bapanya hadir pada hari pelancaran album pertamanya nanti. Datuk Dolhi mengistiharkan Wahi sebagai anaknya kepada ahli keluarganya yang lain menyebabkan Datin Tominah bersikap dingin kepadanya. Perjumpaan datin-datin petang itu kecoh membincangkan hal Datin Tominah yang dianggap terinaya oleh mereka.

Sinopsis Bab 17

Wakil Timbalan Menteri datang untuk merisik Amera. Majlis perkahwinan Amera dengan Timbalan Menteri telah menemukan Datuk Dolhi dengan teman lamanya Ustaz Hashim. Ustaz memberitahu Datuk bahawa Mukhlis telah bercerai dengan isterinya. Kini dia kesaorangan dan gila isim. Isteri dan anak tirinya telah kembali ke pangkuan tok guru.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sinopsis Bab 18

Sebelum beranangkat untuk bercuti ke Eropah bersama keluarganya, Hasnol dipanggil oleh Tengku Munir yang tidak berpuas hati kerana hanya 4 permohonan projeknya yang Berjaya. Bakinya tidak Berjaya. Tengku Munir meminta Hasnol supaya meluluskan semua permohonannya kerana telah setengah juta yang dimasukkan dalam akaun Hasnol di Singapura. Hasnol meneruskan juga hasratnya untuk bercuti di Eropah. Apabila Hasnol tidak menghiraukan kemahuannya, Tengku Munir terus ke Pejabat Menteri Besar melaporkan Hasnol memohon RM 1 juta bagi meluluskan 12 permohonan tendernya. Malam itu Hasnol menelefon ibunya dan kesal atas perbuatannya. Datin Tominah meminta Hasnol pulang untuk mencabar di mahkamah.

Sinopsis Bab 19

Dani dan kumpulannya Young Rock Band mengadakan persembahan. Sebelum persembahan Dani meminta kebenaran daripada rakannya untuk mendapatkan dadah. Semasa dalam perjalanan Dani telah diberkas oleh polis dan mendapati positif dadah. Kumpulan itu di boo kerana keluar ke pentas tanpa penyanyi utamanya Dani. Sebelum pulang kumpulan muzik tersebut singgah di rumah Dani untuk menyampaikan berita penangkapan Dani kerana dadah. Di lapangan terbang Datin Tominah menunggu kepulangan Hasnol daripada London. Sebaik sahaja tiba Hasnol ditangkap oleh polis.

Sinopsis Bab 20

Dalam bab ini menceritakan kisah tiga orang anaknya. Mukhlis merayau di jalanraya dengan memakai jubah dan menjulang sebilah pedang. Mukhlis meminta orang ramai berjihad. Datuk Dolhi mencari Mukhlis setelah diberitahu Ust Uza tetapi hampa tidak ketemui. Ilham pula mengadakan tunjuk perasaan bersama Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia yang disiarkan secara langsung TV antarabangsa. Ilham mengecam kerajaan Malaysia membiarkan balak terus ditebang. Datuk Dolhi pula didatangi pegawai dari Cawangan Khas untuk mengetahui latarbelakang Ilham. Malah YB Wahab Yassin juga disoal kerana penglibatan adik iparnya. Akhirnya kebimbangan Albert Lee akan kepulangan Wahi anak Datuk Dolhi.

Sinopsis Bab 21

Hasnol dibebaskan dengan ikat jamin dan Dani juga dijamin kerana memiliki dadah. Albert banyak menjalankan tugas Datuk Dolhi. Linda isteri Hasnol tinggal di Paris dan tidak mahu pulang kerana malu. Wahi dan Yuka pulang ke tanah air disambut Datuk Dolhi sekeluarga. Datin Tominah telah berubah dan dapat menerima anak tirinya Wahi. Mukhlis dimasukkan ke hospital setelah dipukul kerana menyerang rumah berhala.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sinopsis Bab 22

Mukhlis beransur pulih daripada kecederaan dan doktor menasihati supaya dihantar ke pusat pemulihan untuk rawatan mental. Manakala bekas isterinya ada menjenguknya di hospital tetapi keluarga Mukhlis tidak mengenalinya kerana berpurdah. Manakala Dani akan dihantar ke pusat pemulihan dadah setelah selesai kesnya di mahkamah dan Dani bersetuju. Adam ketua kumpulannya akan menyimpan royaltinya jika ada. Amera menunggu suaminya yang pulang kekawasannya untuk mempertahankan ketua bahagian parti pemerintah dan anak tirinya dijaga olen mentuanya. Seterunya Dolhi Albert Holding mengadakan mesyuarat lembaga pengarah dan datuk Dolhi mengumumkan perlantikan Wahi menggantikannya dan mendapat sokongan lembaga pengarah kecuali Albert yang keluar selepas pengumuman tersebut. Albert menuduh anak-anak Datuk Dolhi menyebabkan prestasi syarikat jatuh dan akhirnya persahabatan Albert Lee dengan Datuk Dolhi terlerai. Albert menarik diri daripada bergabung dengan Datuk Dolhi.

Sinopsis Bab 23

Ketika Datuk Dolhi dan Datin Tominah berehat dianjung banglonya, dia terfikir untuk ke Mekah mengerjakan umrah. Semua urusan perniagaan diserahkan kepada Wahi dan isterinya Yuka.

Sinopsis Bab 24

Bab terakhir ini penutup kepada kisah anak-anak Datuk Dolhi. Hasrol akan dibicarakan atas kesalahan rasuah. Kerjayanya musnah dan isterinya Linda mula menjauhkan diri. Ilham berada diluar Negara dan berkomplot dengan orang asing memboikot Malaysia dan dianggap penderhaka Negara. Pasti akan ditangkap sekiranya pulang. Manakala Amera belum dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan politik suaminya YB Wahab Yassin. Suaminya pula bergelut untuk mempertahankan jawatan dalam parti. Mukhlis dihantar ke hospital mental dan bekas isterinya Hanisah kembali kepada bekas suaminya. Dani pula dihantar ke Pusat Serenti untuk memulihkannya daripada ketagihan dadah. Akhirnya Wahi anaknya dengan Mastura mewarisi perniagaan Datuk Dalhi dan akan berdepan dengan Albert Lee dalam perniagaan.

Tema

Tema novel ini Konflik Kekeluargan tokoh perniagaan Melayu dalam mendidik anak-anak. Datuk Dolhi mencari pengantinya dalam perniagaan kalangan anak-anaknya. Tapi gagal. Hasrol ditangkap kerana rasuah, Dani pemuzik yang terlibat dengan dadah dan dihantar di pusat serenti, Ilham lari keluar Negara menderhaka kepada Negara demontrasi menentang pembalakan Malaysia di luar Negara. Manakala Amera bergelut dengan perjuangan suaminya mempertahankan jawatan dalam parti dan menteri. Akhirnya anak isteri keduanya Wahi yang menggantikannya dalam perniagaan.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan

1. Persoalan Persahabatan. Persahabatan Datuk Dolhi dan Albert sehingga menubuhkan syarikat usahasama.
2. Persoalan Golongan Muda terlibat dengan ajaran sesat – Mukhlis yang menyertai kegiatan dakwah tanpa ilmu yang mencukupi sehingga terjebak dalam masalah kehidupan
3. Persoalan Sikap Tamak hingga terlibat dalam rasuah - Sikap tamak yang menguasai diri sehingga terlibat dalam rasuah. Contohnya, Hasnol yang kesempitan wang akhirnya menerima tawaran sebanyak RM300 ribu bagi membantu Tengku Munir mendapatkan
4. Persoalan perasaan cinta sesama manusia melangkaui budaya. Wahi Melayu dan Yuka Jepun akhirnya berkahwin.
5. Persoalan cinta alam sekitar, Ilham sanggup menentang projek ayahnya demi cintakan alam sekitar.
6. Persoalan harapan seorang ayah. Datuk Dolhi ingin anak-anaknya mengikuti jejaknya dalam perniagaan dan mewarisi Dolhi-Albert Holding.
7. Persoalan minat dan kecenderongan sesaorang tidak boleh diubah. Anak-anak Datul Dolhi tidak berminat dengan perniagaan. Hasnol pegawai PTD, Amera pendidik, Ilham penulis, Dani pemuzik dan Mukhlis pendakwah.
8. Persoalan ketegasan mendidik anak. Datuk Dolhi tidak memberi pinjaman wang kepada Hasnol supaya belajar. Juga memasukkan Dani ke pusat serenti supaya menjadi pengajaran kepada anaknya.
9. Persoalan pentingnya ilmu pengetahuan. Datuk Dolhi rajin membaca buku-buku pengetahuan untuk rujukan sebelum menyampaikan ceramah.
10. Persoalan harapan ayah supaya anaknya mengikuti jejaknya. Datuk Dolhi sangat berharap anaknya mengikuti jejaknya dalam perniagaan.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Plot

Secara keseluruhannya plot drama digarap mengikut kronologi. Terdapat lima peringkat garapan plot iaitu:

(i) Permulaan

Datuk Dolhi dan Datin Tominnah rasa sedih kerana tidak ada anak mereka yang ingin menyambung tugasnya apabila dia tiada kelak. Anak mereka nombor satu Hasnol sebagai PTD sayangkan jawatan, kuasa dan pangkatnya. Hasnol ingin menjadi kaya tapi tidak mahu melepaskan jawatannya. Semasa Hasnol dilahirkan Datuk Dolhi seorang pegawai kerajaan dan beliau berdoa agar anaknya kelak akan menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan seterusnya KSU. Datin Tominnah minta supaya Datuk Dolhi melatih anak ketiganya Ilham menggantikannya. Tetapi Datuk Dolhi kecewa dengan Ilham yang suka membuang masa tidak tentu hala.. Rencananya tentang alam sekitar mendapat tempat walaupun sering bertentangan dengan bapanya yang menggunakan alam sekitar untuk mencari keuntungan. Datuk Dolhi juga pernah berkahwin dengan wanita peranakan Arab dan mendapat anak lelaki. Tetapi wanita itu meninggal dunia dan menjadi rahsia hidupnya termasuk Datin Tom. Datuk Dolhi mempunyai seorang rakan kongsi rapatnya Albert Lee. Malah Albert Lee pernah melamar Amera anak Datuk Dolhi untuk anaknya Robert Lee tapi gagal. Anak Datuk Dolhi Mukhlis yang berjubah dan berjanggut dan sering ke surau. Tidak mahu menguruskan syarikat bapanya kerana syarikat bapanya penuh riba menurut Mukhlis.. Manakala anaknya Dani minat dalam bidang hiburan. Dani juga ada belajar muzik

(ii) Perkembangan

Datuk Dolhi menyampaikan ceramah dengan menjadikan Doktor Mahathir sebagai contoh. Kepuasan terbayang pada wajah Datuk Dolhi setelah menyampaikan ceramah. Datuk Dolhi menemani isterinya Datin Tominnah menghadiri pertunjukkan fesyen Busana Islam. Datuk Dolhi sangat bosan dengan pertunjukkan tersebut. Amera terpilih sebagai pendidik terbaik seluruh negeri. Amera memohon supaya ayah dan ibunya hadir pada majlis penyampaian anugerah tersebut. Sekali lagi Datuk Dolhi meminta Amera berhenti sebagai pendidik dan bekerja dengan syarikatnya tetapi ditolak oleh Amera yang mencintai bidang pendidikan. Mukhlis memohon pembiayaannya berdakwah ke India tetapi ditolak oleh Datuk Dolhi



NOTA RUJUKAN KOMSAS

(iii) Perumitan

Amera mendapat panggilan telefon daripada peminat misteri mengucapkan tahniah di atas kejayaannya dan juga mendapat jambangan bunga. Pembantu rumah Inem meminta untuk berhenti kerja. Dia tidak menyatakan sebabnya. Walaupun dipujuk oleh Datin Tominah tapi Inem bertegas untuk berhenti. Mukhlis bernikah dengan Hanisah janda tok guru beranak dua tanpa pengetahuan keluarganya. Hasnol balik ke rumah untuk meminjam RM 10,000.00 daripada keluarganya untuk kelab Golfnya tetapi diberi oleh keluarganya Datuk Dolhi meminta Rozie menempat tiket dan penginapannya di Jepun untuk menenangkan fikirannya yang runsing memikirkan hal anak-anaknya. Albert Lee kecewa kerana hasratnya untuk melihat Elain berkahwin dengan Hasnol tidak tercapai. Sekarang ini beliau berharap Robert pula cuba untuk memikat Amera seterusnya memperisterikannya.

(iv) Klimaks

Wakil Timbalan Menteri datang untuk merisik Amera. Majlis perkahwinan Amera dengan Timbalan Menteri disegerakan untuk mengelakkan fitnah. Dani dan kumpulannya Young Rock Band mengadakan persembahan. Sebelum persembahan Dani meminta kebenaran daripada rakannya untuk mendapatkan dadah. Semasa dalam perjalanan Dani telah diberkas oleh polis dan mendapati positif dadah. Tengku Munir terus ke Pejabat Menteri Besar melaporkan Hasnol memohon RM 1 juta bagi meluluskan 12 permohonan tendernya. Malam itu Hasnol menelefon ibunya dan kesal atas perbuatannya. Datin Tominah meminta Hasnol pulang untuk mencabar di mahkamah. Ilham pula mengadakan tunjuk perasaan bersama Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia yang disiarkan secara langsung TV antarabangsa. Ilham mengecam kerajaan Malaysia membiarkan balak terus ditebang. Datuk Dolhi pula didatangi pegawai dari Cawangan Khas untuk mengetahui latarbelakang Ilham. Malah YB Wahab Yassin juga disoal kerana penglibatan adik iparnya. Datuk Dolhi mengistiharkan Wahu sebagai anaknya kepada ahli keluarganya yang lain menyebabkan Datin Tominah bersikap dingin kepadanya.

(v) Peleraian

Hasnol dibebaskan dengan ikat jamin dan Dani juga dijamin kerana memiliki dadah. Albert banyak menjalankan tugas Datuk Dolhi. Linda isteri Hasnol tinggal di Paris dan tidak mahu pulang kerana malu. Wahu dan Yuka pulang ke tanah air disambut Datuk Dolhi sekeluarga. Datin Tominah telah berubah dan dapat menerima anak tirinya Wahu. Mukhlis dimasukkan ke hospital setelah dipukul kerana menyerang rumah berhala. Mukhlis beransur pulih daripada kecederaan dan doktor menasihati



NOTA RUJUKAN KOMSAS

supaya dihantar ke pusat pemulihan untuk rawatan mental. Manakala bekas isterinya ada menjenguknya di hospital tetapi keluarga Mukhlis tidak mengenalinya kerana berpurdah. Manakala Dani akan dihantar ke pusat pemulihan dadah setelah selesai kesnya di mahkamah dan Dani bersetuju. Adam ketua kumpulannya akan menyimpan royaltinya jika ada. Amera menunggu suaminya yang pulang kekawasannya untuk mempertahankan ketua bahagian parti pemerintah dan anak tirinya dijaga olen mentuanya. Seterunya Dolhi Albert Holding mengadakan mesyuarat lembaga pengarah dan Datuk Dolhi mengumumkan perlantikan Wahi menggantikannya dan mendapat sokongan lembaga pengarah kecuali Albert yang keluar selepas pengumuman tersebut. Ketika Datuk Dolhi dan Datin Tominah berehat dianjung banglonya, dia terfikir untuk ke Mekah mengerjakan umrah. Semua urusan perniagaan diserahkan kepada Wahi dan isterinya Yuka. Hasnol akan dibicarakan atas kesalahan rasuah. Kerjayanya musnah dan isterinya Linda mula menjauhkan diri. Ilham berada diluar Negara dan berkomplot dengan orang asing memboikot Malaysia dan dianggap penderhaka Negara. Pasti akan ditangkap sekiranya pulang. Manakala Amera belum dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan politik suaminya YB Wahab Yassin. Suaminya pula bergelut untuk mempertahankan jawatan dalam parti. Mukhlis dihantar ke hospital mental dan bekas isterinya Hanisah kembali kepada bekas suaminya. Dani pula dihantar ke Pusat Serenti untuk memulihkannya daripada ketagihan dadah. Akhirnya Wahi anaknya dengan Mastura mewarisi perniagaan Datuk Dalhi dan akan berdepan dengan Albert Lee dalam perniagaan

Teknik Penceritaan

(i) Pemerian

Memang kalau dia berani melakukan sesuatu, hidup akan senang. Dia tidak perlu berhutang di sana-sini. Lebih-lebih lagi sekarang dia bertugas di bahagian kontrak. Tidak perlu buka mulut, orang pun sudah tahu. Memang kadang-kadang kejujuran tidak memberi apa-apa.

(ii) Dialog

“Kalau tak berkenan macam mana?: Tiba-tiba Datin Tominah bergurau.

“Balik cepatlah,”

”Hah, lagi parah!”

“Apa nak tunggu?”



NOTA RUJUKAN KOMSAS

(iii) Imbas Kembali

Datuk Dolhi melamun. Fikirannya kembali kepada dua puluh lapan tahun yang lampau. Isterinya yang baik, Mastura dalam kenangan.

(iv) Imbas Muka

Mukhlis teringat kepada ibunya. Ibunya tentu marah dengan tindakannya berkahwin tanpa memberitahu keluarga.

(v) Monolog Dalaman

Dia teringat anaknya Mukhlis. Semalam dia ternampak anaknya Mukhlis berjubah dan serban tersandar pada tiang

Watak dan Perwatakan

Watak Utama

Dato Dolhi

Fizikal

Berusia 60-an. suami kepada Datin Tominah. Baba kepada 6 orang anak Hasnol, Amera, Ilham, Mukhlis, Dani serta Wahi. Isteri kedua ibu Wahi peranakan Arab Mastura kekasih lamanya. Memiliki dua orang isteri. Seorang Usahawan.

Dalaman

1. Usahawan yang berjaya dalam perniagaan dan mempunyai empayar perniagaan Dolhi-Albert
2. Mempunyai daya ingatan yang tinggi. Masih mengingati lagu-lagu Jepun semasa zaman persekolahan dulu.
3. Seorang yang rajin membaca. Akan membaca sebelum menyampaikan ceramah usahawan kepada peniaga muda.
4. Seorang yang penyabar. Tetap bersabar dengan pelbagai kerenah anak-anak.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

5. Bertanggungjawab. Masih member nafkah kepada anaknya Wahi melalui ibu mertuanya walaupun isterinya telah meninggal dunia.
6. Sering memenuhi undangan ceramah. Ceramah kepada usahawan muda.

Watak Sampingan

Datin Tominah

Isteri pertama dan sepupu Datuk Dolhi.

1. Isteri yang setia. Beliau sanggup bersama suaminya ketika senang dan susah.
2. Penyayang. Datin amat menyayangi suami dan anak-anaknya. Berharap suaminya mencari anaknya Ilham yang lari ke luar Negara.
3. Perahsia. Merahsiakan isi perbincangan dengan rakan-rakan datinnya.
4. Suka membuang masa. Sering berbual dengan rakan-rakannya di kelab atau melalui telefon.
5. Minat berniaga. Bekerjasama dengan rakan-rakannya ingin membuka butik Busana Islam.
6. Penggerak utama kelab Datin.
7. Kuat cemburu misalnya sering berbincang tentang cara-cara mengawal suami.
8. Kurang memberikan perhatian kepada anak.
9. Mementingkan kecantikan.

Hasnol

Anak sulung Datuk Dolhi dengan isterinya Datin Tominah. Sudah berumah tangga dengan isterinya Linda dan dikurniakan 2 orang cahaya mata. Tamak dan menerima rasuah daripada Tengku Munir. Anak sulung Datuk Dolhi dengan isterinya Datin Tominah. Tidak berminat dengan dunia perniagaan dan keusahawanan walaupun sering dipujuk oleh bapanya. Tidak mempunyai ketegasan dan sering mengikut kata isteri sehingga dapat dikatakan mengikut telunjuk isteri. Bersikap boros dan akhirnya terlibat dengan rasuah

Amera

Mengajar sebuah sekolah terbaik di ibu kota. Anak ke-2 Datuk Dolhi. Seorang guru yang komited terhadap tugas sebagai guru sehingga dianugerahkan sebagai pendidik terbaik seluruh negeri. Juga seorang wanita yang cantik. Isteri kepada Timbalan Menteri Tugas-tugas Khas.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Seorang yang bersopan santun menyebabkan lelaki Cina iaitu Robert Lee pun tertarik dan mudah terpicat.

Ilham

Ilham berada diluar Negara dan berkomplot dengan orang asing memboikot Malaysia dan dianggap penderhaka Negara. Ilham mengadakan tunjuk perasaan bersama Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia yang disiarkan secara langsung TV antarabangsa. Ilham mengecam kerajaan Malaysia membiarkan balak terus ditebang. Ilham yang lari ke barat bersama Bruno Manser. Ilham mengirinkan surat kepada ibunya daripada Perancis. Ilham pernah mencerooboh bilik pembantu rumahnya Inem sebanyak tiga kali menyebabkan Inem berhenti kerja.. dengan Ilham yang suka membuang masa tidak tentu hala. Selalu tidak sependapat dengan Amera.

Mukhlis

Tidak menamatkan pelajarannya di Universiti. Cenderung kepada bidang dakwah. Selalu berpakaian jubah dan berserban. Mempunyai janggut. Mengahwini Hanisah janda tok gurunya dan mempunyai dua orang anak tiri. Akhirnya menceraikan isterinya. Pernah bekerja di kilang mi dengan gaji RM5.00 sehari. Akhirnya gila isim kerana menuntut ilmu agama yang salah. Pernah tinggal di kampung Bakap bersama isteri dan anaknya. Cedera dipukul orang kerana menyerang rumah ibadat.

Dani

Salah seorang anak Datuk Dolhi bersama dengan Datin Tominah. Berminat dalam dunia seni. Gambarnya sering terpapar dalam akhbar. Juga seorang pemuzik. Dani menganggotai kumpulan Young Rock Band dan mengadakan persembahan. Sebelum persembahan Dani meminta kebenaran daripada rakannya untuk mendapatkan dadah. Semasa dalam perjalanan Dani telah diberkas oleh polis dan mendapati positif dadah. Dani dihantar ke pusat pemulihan dadah setelah selesai kesnya di mahkamah untuk memulihkannya daripada ketagihan dadah

Wahi

Anak hasil perkahwinan kedua Datuk Dolhi dengan Mastura. Membesar bersama neneknya. Pelajarannya dibiayai oleh Datuk Dolhi. Dia lebih bersikap kreatif, bertanggungjawab dan berwawasan. Berkahwin dengan gadis Jepun Yuka. Datuk Dolhi menyerahkan urusan menguruskan syarikat. Berumur pertengahan 20-an dan belajar di Jepun dilantik menggantikan Datuk Dolhi menguruskan perniagaan . Seorang yang amanah dan bertanggungjawab misalnya menyiapkan kertas kerja untuk dibentang oleh Datuk Dolhi walaupun berada di Jepun. Berfikiran positif serta berbudi bahasa.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Albert Lee

Rakan niaga Datuk Dolhi. Berhasrat memperteguhkan empayar perniagaan dengan mengahwinkan dua anaknya dengan anak-anak Datuk Dolhi. Akhirnya menarik diri dari usahasama dengan Datuk Dolhi. Sahabat karib Datuk Dolhi. Mempunyai dua orang anak Robert Lee dan Elain.

Yuka

Seorang gadis Jepun. Membesar di Tokyo Jepun. Memeluk Agama Islam dan berkahwin dengan Wahi. Mengikut suaminya berhijrah ke Malaysia.

Latar

Latar Tempat

1. Pejabat Datuk Dolhi.
Contoh : Tempat menguruskan segala urusan syarikatnya, Dolhi-Albert Holdings.,
2. Rumah Datuk Dolhi
Contoh : Tempat Datuk Dolhi mengistiharkan bahawa Wahi adalah anak kandungnya
3. Tokyo Jepun
Contoh : Datuk Dolhi memberitahu Wahi bahawa dia adalah ayah kandungnya.
4. Teratai Inn.
Contoh : Hasnol berjumpa dengan Tengku Munir yang menjanjikan habuan rasuah dengan syarat Hasnol membantunya meluluskan semua tendernya
5. Kg Sungai Bakau.
Contoh : Tempat tinggal Mukhlis dan isterinya yang merupakan janda serta dua anak
6. Kelab Mawar.
Contoh : Amera bertemu dengan peminat misterinya iaitu YB Wahab Yasin
7. Di Bukit Serakah.
Contoh : Datuk Dolhi berjoging dengan Albert.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

8. Hospital

Contoh : Mukhlis dimasukkan ke hospital setelah dipukul kerana menyerang rumah berhala.. Manakala bekas isterinya ada menjenguknya di hospital tetapi keluarga Mukhlis tidak mengenalinya kerana berpurdah

9. Pendalaman Serawak.

Contoh : Ilham menghasut orang-orang asli supaya membina benteng manusia bagi menghalang kegiatan pembalakan

10. Perancis

Contoh : Linda isteri Hasnol tinggal di Paris dan tidak mahu pulang kerana malu.

11. London

Contoh : Hasnol tiba seorang diri dari London

12. Lapangan Terbang Narita

Contoh : Datuk Dolhi agak penat apabila tiba di Lapangan Terbang Narita Jepun selepas penerbangan selama 7 jam. Ketibaannya disambut oleh Wahid dan sahabat Jepunnya

Latar Masa

1. Zaman Perdana Menteri ke 4 Tun Mahathir Mohamad

Contoh ; Datuk Dolhi mendengar syarahan

2. Zaman Moden

Contoh : Kedai Butik Busana Islam

3. Waktu Pagi

Contoh : Datuk Dolhi bermesyuarat dengan Raj Hussein pada pukul sepuluh pagi

4. Waktu Petang

Contoh : Datu Dolhi memberi ceramah di Insitut Perdagangan Kebangsaan

5. Waktu Tengahari

Contoh : Datuk Dolhi pulang ke rumah untuk makan tengahhari

6. Waktu Malam

Contoh : Datuk Dolhi menghadiri Pertunjukan Busana Islam dengan isterinya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latar Masyarakat

1. Masyarakat Usahawan .
Contoh : Datuk Dolhi dan Albert Lee merupakan usahawan yang berjaya dan kaya
2. Masyarakat Yang Tamak .
Contoh : Hasnol bersikap tamak sebab menerima rasuah Tengku Munir.
3. Masyarakat Pendidik .
Contoh : Amera bekerja sebagai guru dan menerima anugerah guru negeri terbaik
4. Masyarakat Majmuk .
Contoh : Wahi Melayu, Yuka Jepun dan Albert Lee Cina
5. Masyarakat Penyelewengan Agama .
Contoh : Mukhlis, Tok Guru dan Hanisah terikut dengan kesesatan ajaran agama.
6. Masyarakat Mementingkan Bahasa Kebangsaan.
Contoh : Raj Hussein meminta Datuk Dolhi menamakan projeknya dengan nama kemelayuan sedikit.
7. Masyarakat Menghargai Alam Sekitar.
Contoh : Ilham mencatat sesuatu maklumat penulisanya tentang alam sekitar.
8. Masyarakat Menghargai Barangan Tempatan.
Contoh : Datin Tominah minta Datuk Dolhi memakai baju batik tempatan iaitu batik Kelantan
9. Masyarakat Yang Menggalakkan Perkahwinan Campur.
Contoh : Wahi berkahwin dengan gadis Jepun Yuka dan Robert Lee ingin berkahwin dengan Amera gadis Melayu.
10. Masyarakat yang mementingkan pendidikan.
Contoh : Semua anak-anak Datuk Dolhi belajar di Universiti.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Gaya Bahasa

Simile

Contoh : Seperti Bulan Jatuh ke riba

Bibir tuanya seperti sagu pecah

Seperti lilin membakar diri

Personifikasi

Contoh : Jip bewarna hitam membelah senja yang kian kelabu.

Cahaya matahari Petang menggigit kulit

Metafora

Contoh : Filem kenangan

Tugu-tugu kenangan

Benih Keusahawanan

Sinkope

Contoh : Eh, gila **kau** kita **dah** sampai,

Kata Ganda

Contoh : Jangan-jangan, lorong-lorong,

Hiperbola

Contoh : Amera rasa saat ini begitu berdebar. Gemuruhnya di dadanya seperti lahar yang mahu cepat keluar dari gunung berapi.

Bahasa Asing

Contoh: Bahasa Inggeris – nite club, food, will not enter the kitchen

Bahasa Jepun – Hai, arimasu, sukoshi, koki wa ikaga desu ka, ohayo gizaimasu

Bahasa Arab – Ana, anta, assalamualaikum, astgfirirullah



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Bahasa Puisi

Contoh :

Bulan payah ke langit

Melihat awan berdebu

Hujan hitam menyiat

Kulit kehidupan manusia

Air yang kuhirup ini

Alunan karak semata

Peribahasa

Contoh : Lembut gigi daripada lidah

Cahaya matahari petang menggigit kulit

Nilai

1. Nilai Kerajinan

Contoh : Datuk Dolhi rajin membaca buku menambahkan ilmunya dalam bidang keusahawanan

2. Nilai Kesabaran

Contoh : Datin Tominah bersabar walaupun modal membuka Butik Busana Islam diminta daripada suaminya masih belum diterima.

3. Nilai Kasih sayang

Contoh : Albert Lee tetap meluangkan masa bersama-sama dengan isteri dan anak-anaknya walaupun sibuk dengan urusan perniagaannya.

4. Nilai menghormati

Contoh : Robert Lee menghormati keputusan Amera yang tidak mahu keluar bersamanya walaupun diajak berulang kali.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

5. Nilai ketabahan

Contoh : Datuk Dolhi tetap tabah menghadapi pelbagai musibah angkara perbuatan anak-anaknya

6. Nilai Bertanggungjawab

Contoh : Datin Tominah meminta Mukhlis bertanggungjawab memelihara isteri dan dua orang anak tirunya walaupun tidak sepenuh hati.

7. Nilai Patriotik

Contoh : Datuk Dolhi menggunakan kereta buatan Malaysia walaupun mampu membeli kereta yang lebih mahal.

8. Nilai Kerjasama

Contoh : Datuk Dolhi menjalankan kerjasama dalam perniagaan dengan Albert Lee.

9. Nilai Keberanian

Contoh : Asmera berani menegur Ilham yang tidak bekerja.

10. Nilai Bersopan-santun

Contoh : Wahi sungguh bersopan santun menyambut kedatangan Datuk Dolhi ke Jepun.

Pengajaran

1. Kita hendaklah mendidik anak dengan baik
2. Kita hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi dengan sebaik mungkin.
3. Kita perlulah rajin membaca buku untuk mendapat ilmu.
4. Kita janganlah mencemar nama baik keluarga.
5. Kita janganlah mencemar nama baik Negara.
6. Kita janganlah melibatkan diri dalam gejala social.
7. Kita janganlah mengamalkan rasuah untuk kesenangan hidup.
8. Kita jangan mudah terpengaruh dengan ajaran sesat.
9. Kita hendaklah mendidik rohani anak sejak dari kecil lagi.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

10. Kita hendaklah mempunyai sikap saling menyayangi antara satu sama lain,
11. Kita hendaklah sabar dalam menghadapi sebarang cabaran dalam kehidupan.
12. Anak-anak mestilah mentaati ibu bapa.
13. Kita mestilah berani menegur kesalahan walaupun ahli keluarga sendiri.
14. Kita mesti berfikiran terbuka untuk menerima nilai yang baik.
15. Kita hendaklah mentaati arahan dan tugas yang diberikan oleh ketua.

Latihan

Soalan

1.

Timbalan Menteri terus memuji-muji guru-guru yang cemerlang. Seperti biasa ungkapan tradisi bermain di mulutnya, guru seperti lilin membakar diri, berkorban demi kepentingan bangsa. Kemudian dikatakan lagi, guru menjadi contoh anak-anak murid. Kalau guru kencing berdiri, anak-anak murid kencing berlari.

Nyatakan dua contoh gaya bahasa dan contohnya berdasarkan petikan di atas?

2. Huraikan empat nilai murni yang terdapat dalam novel Renyah ?

Jawapan

1. Kata ganda – guru-guru, anak-anak, memuji-muji
Simile – Seperti lilin membakar diri
Peribahasa – Kalau guru kencing berdiri, anak-anak murid kencing berlari
2. Nilai berusaha. Contohnya Datuk Dolhi gigih menguruskan perniagaannya hingga Berjaya. Nilai kasih sayang. Datuk Dolhi sentiasa risau akan kegiatan Mukhlis, Dani, Hasnol dan Ilham. Nilai Jujur dan Amanah. Datuk Dolhi tidak akan menggunakan wang syarikat untuk kepentingan peribadi. Nilai bertanggungjawab. Datuk Dolhi membiayai perbelanjaan Wahi walaupun anak itu tinggal bersama-samanya.